



**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA**

SIARAN MEDIA

**JTKSM SIASAT KEGAGALAN BAYAR GAJI 203 PEKERJA, TINDAKAN TEGAS
AKAN DIAMBIL**

1. Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) mengambil maklum laporan media bertarikh 12 Ogos 2026 berhubung dakwaan kelewatan pembayaran gaji pekerja sebuah syarikat yang menjalankan aktiviti perkilangan dan pemprosesan kayu di Pahang. Hasil siasatan oleh Pejabat Tenaga Kerja (PTK) Temerloh, Pahang mendapati syarikat berkenaan menggajikan seramai 203 pekerja, terdiri daripada 47 pekerja tempatan dan 156 pekerja asing, serta didapati gagal membuat pembayaran gaji bagi tempoh Mei hingga Julai 2026.
2. Sehubungan itu, JTKSM akan membantu pekerja yang terkesan untuk memfailkan tuntutan tunggakan gaji bagi memastikan hak mereka dapat dituntut sewajarnya. Pada masa yang sama, kertas siasatan akan dibuka di bawah Akta Kerja 1955 [Akta 265] bagi membolehkan tindakan selanjutnya diambil mengikut peruntukan undang-undang. Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Negeri Pahang akan menyelaraskan tindakan susulan bersama Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Negeri Pahang bagi memastikan perkara ini ditangani secara menyeluruh.
3. Selain isu tunggakan gaji, JTKSM akan meneliti sama ada terdapat sebarang unsur buruh paksa atau eksploitasi pekerja, termasuk elemen ugutan, paksaan, penipuan, sekatan pergerakan atau sebarang bentuk kawalan terhadap pekerja.
4. JTKSM menegaskan bahawa setiap majikan mempunyai tanggungjawab untuk mematuhi undang-undang perburuhan negara, termasuk memastikan pembayaran gaji dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan. JTKSM tidak akan berkompromi dengan mana-mana majikan yang mengabaikan hak dan kebajikan pekerja. Sekiranya siasatan mendapati berlaku pelanggaran undang-undang, termasuk unsur eksploitasi atau buruh paksa, tindakan tegas akan diambil mengikut peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

TAMAT

**Unit Komunikasi Korporat
Pejabat Ketua Pengarah
13 Ogos 2026**